

Skim susun hutang LRT di peringkat akhir

UM - 4 SEP 2001

KUALA LUMPUR 3 Sept.- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, skim penyusunan semula hutang dua syarikat pengendali sistem transit aliran ringan (LRT) tempatan, STAR dan PUTRA akan diumumkan tidak lama lagi. "Jawatankuasa Penyusunan Hutang Korporat (CDRC) yang terlibat dalam penyusunan semula hutang itu, kini berada di peringkat akhir dan akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat," kata beliau selepas berucap merasmikan Sidang Kemuncak Pasaran Modal Malaysia 2001 di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya mengenai perkembangan lanjut cadangan kerajaan untuk mengambil alih kepentingan dalam kedua-dua syarikat itu seperti yang dilaporkan akhbar sebelum ini.

Dr. Mahathir sebelum ini berkata, penyusunan semula dua syarikat pengendali sistem pengangkutan awam itu merupakan sebahagian daripada peranan CDRC melakukan penyusunan semula hutang syarikat-syarikat bermasalah yang kini melibatkan 37 buah syarikat dengan hutang berjumlah RM28.5 bilion.

Laporan akhbar sebe-

lum ini menyebut kerajaan melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MoF) dikatakan akan menguasai 80 peratus kepentingan dalam PUTRA dan STAR, yang kesemuanya menghadapi masalah hutang pinjaman RM5.32 bilion manakala bakinya 20 peratus oleh pihak lain yang terlibat.

Penguasaan yang akan dibuat melalui Syarikat Prasarana Negara Bhd. (SPN) akan melibatkan pengubahan pinjaman itu kepada bon yang lihat sebagai lebih murah berbanding cadangan sebelumnya.

CDRC dilaporkan telah mengemukakan rancang-

an yang dikaji semula untuk syarikat-syarikat kereta api itu pada Rabu lalu kepada pemberi pinjaman termasuk Bayerische Landesbank, RHB Bank Bhd., PhileoAllied Bank Bhd. dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Tiga bulan lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menanggukkan penjualan bon bernilai RM5.5 bilion, pertama diumumkan pada Disember, untuk membiayai pengambil alihan sistem kereta api kerana ia terlalu mahal.

Pada 1999, salah sebuah daripada dua kumpulan yang mengendalikan

LRT memungkirkan pembayaran hutang selepas bilangan penumpang kurang.

Pada 1999, Renong yang memiliki Projek Usahasama Transit Automatik Sdn. (PUTRA), mungkir terhadap bayaran faedah pinjaman sebanyak RM44.6 juta terhadap pinjaman RM2 bilion apabila perolehannya tidak mencukupi menampung kos.

Sebuah lagi syarikat ialah Sistem Transit Aliran Ringan Sdn. Bhd. (STAR), yang dimiliki oleh KWSP, Taylor Woodrow Plc. dan perbadanan-perbadanan lain yang diuruskan oleh kerajaan.